8	Lao People's Dem Rep	3	5.2	7.3	11.4	22.9	32.7
9	Singapore	2.3	3.9	4.8	100	100	100
10	Brunei Darussalam	0.2	0.3	0.4	62.1	71.7	78.5

**Sumber :** *Human Development Report 2001*, Demographic Trends. P.154-156,  
*Note :\**) = Unjuran; diubahsuai oleh penulis.

Faktor-faktor utama yang boleh mempengaruhi para migran bagi memutuskan berpindah atau tidak berpindah, antara lain adalah kerana adanya perbezaan tingkat pendapatan (income differential) di antara kawasan bandar dengan luar bandar. Selain itu pula bahawa adanya perbezaan kemudahan sosial yang boleh diperolehi dan banyaknya pilihan prasarana pengangkutan, komunikasi, tempat hiburan dan rekreasi, perkhidmatan kesihatan, tempat

berbelanja (pusat membeli belah), pusat pengajian tinggi (Universiti) dan perkhidmatan lainnya; sehingga dianggap menguntungkan bagi para migran sekiranya terus menjadi penduduk bandar.

Pengaruh daripada berlakunya fenomena seumpama ini sering dikenali sebagai proses urbanisasi, yang boleh menyebabkan pertumbuhan penduduk bandar mengalami kenaikan yang terus menerus, berbanding dengan pertumbuhan tenaga buruh yang perlahan dan kekurangan peluang pekerjaan yang dapat diwujudkan bagi menampung jumlah penduduk semakin meningkat seperti di Indonesia.

Masalah urbanisasi dan pengangguran (Rajah 1.1 dan Jadual 1.1) di mana-mana negara membangun amat membimbangkan, terutama apabila berlaku sesuatu krisis. Krisis kewangan di Indonesia tahun 1997 telah menyebabkan pengangguran tinggi, rasuah, kerusakan alam sekitar dan kelemahan pemerintahan (Emil Salim, 2005).

Ketika keadaan ekonomi mengalami kelembaban kerana berlakunya pengaruh sama ada inflasi atau deflasi, maka masalah-masalah sosial nampak seperti: pengangguran, harga-harga tidak stabil dan masalah keamanan. Ketika itu proses urbanisasi di Indonesia terus berkembang dan peratusannya semakin meningkat dari semasa ke semasa, (Jadual 1.1). Hal ini bermakna bandar-bandar sedia ada menjadi semakin lebih luas atau menjadi lebih besar kerana merespon tekanan dan aktiviti kadar pertumbuhan penduduknya yang tinggi. Kajian yang menimbulkan krisis ekonomi 1997 di Indonesia telah memberi impak teruk kepada kewangan moden di bandar berbanding kewangan didominasi oleh aktiviti pertanian di luar bandar (Anggito Abimanyu, 2001).

Kemungkinan lain boleh berlaku luas kawasan suatu bandar tidak bertambah luas, namun pembinaan gedung-gedung, kompleks perumahan, dan pusat membeli belah bertingkat terus semakin tinggi, seperti yang berlaku di Singapura, Hong Kong, Jakarta, Pulau Pinang dan lain-lain bandar. Keadaan sedemikian disebabkan kerana luas tanah di bandar sangat terhad berbanding dengan keperluan aktiviti penduduk yang semakin kompleks.

Walau bagaimanapun kerana keperluan ke atas suatu pekerjaan adalah mustahak, maka ramai penduduk (pekerja) memilih menjadi *komuter*, iaitu pada masa bekerja mereka datang ke bandar dan selepas jam bekerja mereka balik semula ke kawasan perkampungan asal. Kajian awal di Indonesia menunjukkan fenomena migrasi berpusing ke bandaraya Jakarta bukan secara meluas untuk bekerja sektor formal dan bukan formal yang banyak menyediakan peluang pekerjaan untuk migran sementara (Hugo, 1982).

Jika sebuah negara memperolehi kemajuan dalam bidang-bidang tertentu, seperti misalnya Singapura yang mengembangkan ekonominya berasaskan ilmu pengetahuan dan teknologi, khasnya dalam sektor-sektor perubatan, kesihatan dan perkhidmatan.

Oleh itu di dalam era global sekarang ini mobiliti penduduk sama ada golongan profesional atau bukan profesional mestilah akan menjadi lebih pesat lagi dan sebarang usaha mengurus migrasi bagi faedah golongan miskin, mestilah mengambil perkiraan migrasi dalaman yang memberi sumbangan besar dalam pembangunan negara (Skeldon, 2005).

### 1.3 Objektif Penyelidikan

Yang menjadi objektif dalam penyelidikan ini diajukan hanya empat perkara sahaja, iaitu sebagai berikut:

1. Mengkaji ciri-ciri sosioekonomi dan demografi yang berpengaruh ke atas keputusan pencari pekerjaan dalam proses memilih suatu pekerjaan yang dikehendaki sama ada di bandar atau di luar bandar. Ciri-ciri responden mana yang berpengaruh secara bermakna (significant) atau menentukan sama ada secara substantif dan secara statistik terhadap pilihan bekerja.

2. Mengkaji kadar upah/gaji dan elaun sama ada yang tinggi atau rendah dan syarat-syarat kerja, apakah perkara ini penting bagi para pencari pekerjaan, pengambil keputusan dan mana-mana pihak terbabit seumpama para pelabur dan institusi-institusi yang menangani proses perancangan pembangunan perbandaran.

3. Mengenal pasti hasil penyelidikan ini dapat diterima atau tidak oleh pihak tertentu, seperti para penyelidik, institusi-institusi perancangan pembangunan kerajaan atau swasta, pengurus-pengurus eksekutif syarikat, dan orang ramai yang berminat dalam bidang ini.

4. Hasil penyelidikan ini untuk mendapatkan perakuan dasar daripada mana-mana pihak yang berhubungkait dengan kawalan ke atas pengaruh proses urbanisasi, iaitu dengan menyediakan model-model teruji, sama ada model sederhana atau model lengkap (simple and full models) yang diperolehi melalui proses uji statistik inferensi, dan hasil penganalisan secara deskriptif.

## 1.4 Hipotesis Kajian

Penyelidikan ini hanya mengajukan empat hipotesis sebagai upaya menjawab empat objektif di atas. Adapun keempat hipotesis dimaksud adalah sebagai berikut:

1. Tidak semua pembolehubah bebas (independent variables) yang dianalisis dalam penyelidikan ini dianggap sebagai faktor-faktor penentu dalam proses memilih antara bekerja atau tidak bekerja, yang dijangka mempunyai hubungan bermakna sama ada secara substantif atau secara statistik dengan pembolehubah bersandar (dependent variables) yang akan dijelaskan.

2. Pembolehubah 'gaji/upah' atau elaun dan syarat-syarat kerja yang bersesuaian bukan merupakan penentu utama yang dijadikan dasar keputusan bagi pencari pekerjaan dalam memastikan bersedia sama ada bekerja atau tidak bekerja. Yang menjadi dasar bagi tinggi rendahnya gaji/upah atau bayaran, diambil kira mengikut taraf pendidikan, pengalaman dan kerjaya pekerja.

3. Hasil penyelidikan yang diperolehi dikenal pasti tidak boleh diterima pakai oleh mana-mana pihak terbabit, seperti para penyelidik, institusi-institusi perancangan pembangunan kerajaan atau swasta, pengurus eksekutif syarikat, dan orang ramai yang menaruh minat dalam bidang ini.

4. Hasil penyelidikan ini bukan untuk mendapatkan perakuan dasar daripada mana-mana pihak yang berhubungkait dengan kawalan ke atas pengaruh proses urbanisasi, iaitu dengan menyediakan model-model teruji, sama ada model sederhana atau model lengkap (simple and full models) yang diperolehi melalui proses uji statistik inferensi, dan hasil penganalisan secara deskriptif.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian yang melibatkan pelbagai bidang ilmu (multidisiplin) dan dilakukan secara berterusan sepatutnya dibuat oleh banyak pihak sehingga boleh dirasakan manfaatnya bagi orang ramai. Oleh itu peranan institusi penyelidikan sama ada yang aktif di universiti-universiti kerajaan atau institusi swasta lainnya boleh menyokong keperluan dasar perancangan pembangunan dimaksud dengan hasil-hasil penyelidikannya. Tidak bererti hasil-hasil penyelidikan yang dibuat secara individu atau institusi persendirian dalam pelbagai bidang tertentu pula itu tidak penting, justeru akan sangat dirasakan bermakna manakala ada sinergi diantara semua bidang yang saling berhubungkait antara satu sama lainnya. Yang paling merasakan kekurangan rujukan dari hasil penyelidikan terkini biasanya para penyelidik dan para perencana dalam membuat suatu polisi bagi keperluan semasa dan keperluan unjuran sebagai bahan rujukan.

Salah satu cara bagi mengurangkan masalah kekurangan hasil-hasil penyelidikan adalah melibatkan para penaja dan penerbitan dalam proses pelbagai penyelidikan. Peranan mana-mana pihak adalah amat sangat penting, kerana suatu penyelidikan memerlukan belanja besar. Peranan penerbitan pula sama ada dalam atau luar negara akan sangat membantu menyebarkan luaskan hasil-hasil penyelidikan berkualiti sehingga orang ramai boleh mengambil manfaat sebagaimana yang diharapkan.

Bagi keperluan perancangan pembangunan pelbagai-bagai bidang di Indonesia hasil-hasil penyelidikan ini akan sangat membantu institusi kerajaan dan swasta dalam proses menentukan tumpuan pembangunan dan peluang

pekerjaan yang akan ditumbuhkan bagi jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang.

Selain itu pula satu hasil penyelidikan ini boleh dijadikan dasar bagi keperluan yang lebih luas, iaitu sama ada bagi penyelidikan seterusnya atau hasil penyelidikan yang boleh diterima pakai; dan bagi keperluan ilmiah yang dapat memberi manfaat kepada pengurusan sumber manusia dan lebih ramai pekerja mahir dalam sektor pembuatan pada masa depan (Hess, 1995).

## **1.6 Transisi Demografi di Indonesia**

Teori peralihan demografi adalah interpretasi diskriptif transformasi yang berlaku dalam pola demografi di Eropah semasa abad ke 19 (Teitelbaum, 1975; Usman Haji Yaakob, 1989). Menurut teori ini kadar kematian mula menurun di Eropah Barat dan Utara pada separuh kedua kurun ke-18. Oleh kerana kadar kelahiran masih tinggi lagi sepanjang tempoh tersebut maka berlakulah kadar pertumbuhan yang tinggi. Kadar kelahiran hanya menurun pada separuh kedua kurun ke-19 (Matras, 1977).

Dalam tempoh peralihan ini berlaku pencapaian kestabilan demografi, yang beralih daripada kadar pertumbuhan penduduk yang stabil tinggi kepada pertumbuhan penduduk yang stabil rendah. Pencapaian transformasi daripada kesuburan dan kematian yang tinggi kepada kesuburan dan kematian yang rendah adalah disebabkan oleh mengamalkan pembangunan sosio-ekonomi atau modenisasi, urbanisasi dan globalisasi (Teitelbaum, 1975; SM Hardjo, 2002; Achmad Suyudi, 2003).

Yang dikenali sebagai modenisasi ketika itu bermaksud adalah merujuk kepada penemuan-penemuan dan amalan kaedah-kaedah baru di dalam pelbagai bidang kehidupan masyarakat. Bidang-bidang dimaksud adalah misalnya: kesihatan, pemakanan yang bergizi, perindustrian atau pembuatan, sistem pengangkutan, sanitasi awam dan kawalan penyakit, sehingga memberi impak kadar kematian menurun lebih rendah (Usman Haji Yakoob, 1989).

Disebabkan tahap kesuburan masih tetap tinggi dan kematian yang rendah region-region di Eropah mengalami pertumbuhan yang tinggi sehingga akhir kurun ke-19. Pada dekad kedua dan ketiga kadar pertumbuhan penduduk di Eropah menurun kurang daripada 1.0 peratus dan semasa perang dunia kedua kadar pertumbuhannya 0.05 peratus. Selepas perang dunia kedua dan pemulihan ekonomi, kesuburan meningkat semula dan kadar pertumbuhan tinggi berbanding tahun 1930-an sebelumnya (Thomlinson, 1965).

Proses perubahan berabad telah pun berhenti, sehingga sampailah pada akhir tempoh transisi. Kedua-dua indikator penduduk, kadar kelahiran kasar dan kadar kematian kasar sampailah kepada kadar yang rendah; dan ketika itu boleh wujud penduduk pertumbuhan sifar atau Zero Population Growth (*ZPG*) atau kadar pembiakan bersih bersamaan satu (Aris Ananta dan Sri Moertiningsih Adiutomo, 1990). Ini bermakna bahawa secara purata setiap pasangan hanya akan mempunyai keturunan seorang anak sahaja sebagai pengganti atau penerus ibu-bapa, iaitu yang dikenali sebagai mencapai paras penggantian (*replacement level*).

Secara empirikal transisi demografi di Indonesia boleh dicermati melalui Jadual 1.2 dan 1.3. Bahawa kesuburan dan kematian yang stabil tinggi berlaku ketika negara ini menderita selama tempoh penjajahan Belanda sehingga awal kemerdekaan. Tahun 1596 kerajaan Belanda berjaya tiba di Banten (Jawa Barat) untuk yang kali pertama dan tahun 1598 bagi kali yang kedua. Tahun 1619 kerajaan Belanda bermula menjajah Indonesia dengan berpusat pentadbiran di Batavia (sekarang Jakarta) (Y. Arsyad Umar. et al, 2003).

**Jadual 1.2 : Kadar Kelahiran Dan Kematian Kasar  
Di Negara-Negara ASEAN Bagi Tahun 1980-2000**

No.	Negara-Negara ASEAN	1980	1990	1995	1998	1999	2000
	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
1	<b>Indonesia</b>	<b>34.5 / 13</b>	<b>25.8 / 8.2</b>	<b>23.6 / 7.7</b>	<b>22.8 / 7.7</b>	<b>22.4 / 7.5</b>	<b>22 / 7.3</b>
2	Viet Nam	36.1 / 8.4	28.8 / 7.3	23.8 / 6.7	21.0 / 5.6	19.8 / 5.6	19.2 / 5.6
3	Philippines	30.3 / 6.2	26.9 / 5.2	29.5 / 6.3	28.1 / 5.7	27.7 / 5.7	26.8 / 5.9
4	Thailand	22.9 / 5.3	17.0 / 4.5	16.2 / 5.5	14.7 / 5.1	12.3 / 5.9	12.5 / 5.9
5	Myanmar	26.9 / 8.1	28.4 / 8.8	28.0 / 8.6	27.5 / 8.2	27.5 / 8.2	...
6	Malaysia	30.7 / 5.3	27.5 / 4.6	26.1 / 4.6	25.0 / 4.4	24.4 / 4.4	24.5 / 4.4
7	Cambodia	30.1/27.0	39.0/15.6	38.2/14.1	35.1/11.5	34.9/11.3	34.4/12.7
8	Lao People's Dem. Rep.	45.1/19.5	45.1/15.9	41.1/14.8	41.3/15.1	37.1/12.9	38.3/13.4
9	Singapore	17.6 / 4.9	18.2 / 4.7	15.6 / 4.8	13.1 / 4.6	12.8 / 4.5	13.7 / 4.5
10	Brunei Darussalam	31.2 / 4.0	27.7 / 3.0	24.8 / 2.9	22.9 / 2.9	22.4 / 2.7	22.1 / 2.9
	ASEAN*	30.5/10.2	28.4 / 7.8	26.7 / 7.6	25.2 / 7.1	24.1 / 6.9	23.7 / 6.9
<p><b>Sumber :</b> UN ESCAP, 2001, <i>Asia and the Pacific in Figures</i>, Statistics Division            Note: (...) = data tidak tersedia, * = Kadar Purata</p>							

Menjelang sehingga tahun 1950-an kesuburan adalah tinggi di seluruh Indonesia (Hull, 1994). Kajian di Sumatera pada tahun 1973 menunjukkan kesuburan adalah tinggi terutama di wilayah bandar (Syahrudin, 1983). Mulai tahun 1960-an keadaan berubah di Jawa, tetapi kesuburan di kawasan Jawa lebih tinggi dan memberi tekanan kepada pembangunan dan rakyat mahukan program kawalan penduduk. Ringkasnya pada tahun 1969 Indonesia memulakan program Keluarga Berencana (KB) atau program perancangan

penduduk yang antara lain matlamatnya adalah tidak hanya menurunkan jumlah anak dilahirkan sahaja, tetapi juga bagi mewujudkan keluarga sejahtera di Indonesia (Ida Bagus Mantera, 2000:197).

Program Keluarga Berencana tersebut telah pun berjaya dijalankan atas sokongan padu semua pihak, sehingga berhasil mencapai sebahagian besar matlamatnya. Salah satu bukti yang dicapai adalah kadar kelahiran kasar dan kadar kematian kasar mengalami penurunan yang berkesan (Jadual 1.3). Tempoh transisi demografi di Indonesia telah berlaku dalam suatu jangka masa yang relatif singkat, iaitu kira-kira hanya 50-an tahun sahaja, dan dijangka akan berakhir pada tahun 2005 (Aris Ananta et.al., 1994).

**Jadual 1.3: Perkembangan Indikator Demografi dan Kesihatan Terpilih Bagi Indonesia Tahun 1950 – 2000**

Tahun	Kematian Bayi	Kematian Kanak-Kanak < 5 thn	Kadar Kelahiran Kasar	Kadar Kematian Kasar	Kadar Pertumbuhan Peduduk Purata Tahunan	Kadar Jumlah Kelahiran
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
1950	148	250	<b>42</b>	<b>27.1</b>	1.5	5.4
1955	138	232	<b>44</b>	<b>25.2</b>	1.9	5.6
1960	128	216	<b>44</b>	<b>22.9</b>	2.1	5.5
1965	119	200	<b>43</b>	<b>20.4</b>	2.2	5.5
1970	107	178	<b>40</b>	<b>18.3</b>	2.4	5.3
1975	94	153	<b>37</b>	<b>16.2</b>	2.3	4.9
1980	81	129	<b>34</b>	<b>13.2</b>	2.1	4.4
1985	70	110	<b>30</b>	<b>10.3</b>	1.9	3.7
1990	71	111	<b>27</b>	<b>8.9</b>	1.7	3.1
1995	71	111	<b>24</b>	<b>8</b>	1.5	2.8
2000	71	112	<b>22</b>	<b>7.3</b>	1.4	2.5
<b>Sumber :</b>	WBK9302	WBK9302	UNP9400	UNP9400	UNP9400	UNP9400
WBK9302 : <i>Mortality rate time series generated from Ken Hill Equations provided in a personal communications, March 1993. The equations were developed for The World Development Report, 1993 and a UNICEF publications, The Progress of Nations</i> UNP9400 : Department of International Economic and Social Affairs, United Nations. <i>World Population Prospects 1994.</i> (Tape) New York: UN, 1994.						
<b>Sumber :</b> <a href="http://www.usaid.gov/countries/id/indonesi.txt">http://www.usaid.gov/countries/id/indonesi.txt</a> , diubahsuai penulis. <i>Indonesia Country Health Statistics Profile, February 1995. p.3</i>						


Indonesia melaksanakan proses pembangunan lima tahunan terencana, termasuk di dalamnya program kawalan penduduk, bermula pada awal era pemerintahan Soeharto dengan REPELITA I ( Rencana Pembangunan Lima Tahun I ); iaitu pada tahun 1969-1974. Ketika itu Indonesia boleh terus menggunakan apa-apa kemajuan teknologi sedia ada, sehingga tidak perlu lagi menciptakannya terlebih dahulu, sebagaimana yang telah berlaku di Eropah.

Sedangkan di negara-negara yang sekarang sudah maju, proses transisi demografi memerlukan masa lebih daripada 200 tahun lamanya. Kerana itu penurunan kadar kesuburan dan kematian berlaku selepas negara-negara berkenaan memperolehi kemajuan dalam teknologi yang mereka ciptakan sendiri terlebih dahulu. Mereka menciptakan teknologi dalam pelbagai bidang, seperti: dalam bidang kesihatan dan perubatan, iaitu bagi mengurangkan kadar kematian bayi dan kanak-kanak berusia lima tahun kebawah.

Demikian pula mereka menciptakan teknologi kontraseptif bagi tujuan sama ada bagi pencegahan (birth prevention) atau menjarangkan kesuburan (birth spacing), dan bahkan kini alat kontraseptif dipromosikan bagi mengelak penyakit “kotor” HIV/AIDS. Sehingga permintaan kontraseptif meningkat terutama di Asia, Afrika utara dan Amerika Latin (Westoft dan Bankole, 2000).

Melalui grafik proses transisi demografi di Indonesia ditunjukkan dalam Rajah 1.2, yang dibuat berdasarkan data dalam Jadual:1.3. Keberkesanan program perancangan penduduk (program KB) yang bermula pada tahun 1969 tersebut menyebabkan kadar kelahiran kasar menurun sebanyak 45.5 peratus, dari tahun 1970 sehingga tahun 2000 trend kadar kematian dan kelahiran penduduk semakin menurun , ini selari dengan teori peralihan demografi.

Walau bagaimanapun kadar kelahiran kasar antara tahun 1950 sehingga tahun 1960 telah meningkat dari 42 kepada 44 per 1,000 penduduk, ini kerana selain program KB belum dimulakan lagi, dan kerajaan tidak berminat terhadap program kawalan penduduk. Presiden Soekarno mengumumkan Indonesia boleh menampung saiz penduduk kira-kira 97 juta tahun 1961. Selain program perancangan keluarga dianggap menjijikkan kepada orang Islam dan akhirnya gagal memberi impak ke atas penduduk buta huruf di Indonesia (Hull, 1994).



**Rajah 1.2 : Kadar Kelahiran Dan Kematian Kasar Di Indonesia Bagi Tahun 1950-2000**

Berdasarkan kadar kelahiran kasar dalam tahun 1960 sehingga tahun 1970, ternyata ketika itu sudah berlaku penurunan dari 44 kepada 40, iaitu sebelum program KB dimulakan lagi. Ini bermakna bahawa mesti ada faktor-faktor lain, mungkin diantaranya faktor budaya selain modernisasi sebagai faktor penentu di

samping program KB yang menyebabkan kadar kelahiran kasar dan kadar kesuburan menurun secara berkesan, dari 4.3 kelahiran per wanita tahun 1980 kepada 1.99 per wanita tahun 1999 (Asian Development Bank, 2001).

Dalam konteks transisi demografi Indonesia ketika ini berada diperingkat akhir, (era pasca transisi demografi) dan negara ini juga telah memulakan proses modernisasi dalam pelbagai bidang, seperti dalam bidang penerbangan dan telekomunikasi (revolusi teknologi maklumat) dan ini diikuti kemasukan dalam era reformasi pemerintahan dan cabaran globalisasi yang berkembang pesat ketika ini.

Sebagai akibat era pasca transisi demografi, Indonesia akan menghadapi masalah-masalah seperti: jumlah penduduk berusia tua, jumlah dan kualiti tenaga buruh menua (ageing labour force), dan jumlah penduduk kawasan bandar dari masa ke semasa yang terus meningkat, (Jadual 1.1 dan Rajah 1.2.). Demikian pula masalah mobiliti secara geografis bagi tenaga buruh dan jumlah tenaga buruh wanita di pasaran kerja, serta tenaga buruh muda yang kurang berketerampilan menjadi ciri penduduk era pasca transisi demografi, (Ananta, Aris dan Evi Nurvidya Arifin, 1990).


## **1.7 Peluang-Peluang Pekerjaan Masa Lalu dan Terkini**

Membincangkan perkara peluang-peluang pekerjaan, tentunya akan dihubungkan dengan potensi atau keadaan sumber-sumber tempatan (internal resources) sama ada sumber manusia (human resources) atau sumber semulajadi (natural resources). Sumber-sumber luaran (external resources),

seumpama kepercayaan negara lain (goodwill) boleh juga memberi peluang bagi sekadar pelengkap (bukan utama) dalam mempertingkatkan peluang pekerjaan.

Apakah potensi sumber-sumber tersebut di atas sudah dimanfaatkan menjadi sumber penghidupan penduduk. Jawapan soalan inilah yang boleh menjadi dasar ada tidaknya peluang-peluang pekerjaan di mana-mana kawasan di seluruh Indonesia, bagi jumlah tenaga buruh yang meningkat daripada 39.2 juta tahun 1971 kepada 72.0 juta tahun 1990 (Jones, 1994)

Perkara peluang pekerjaan ini boleh juga didekati dengan memperhatikan penyerapan tenaga manusia di setiap sektor-sektor ekonomi sedia ada yang telah pun berlaku kebelakangan ini. Dalam hal ini boleh diperhatikan melalui Rajah 1.3. Ditemukan bahawa penyerapan tenaga manusia yang ramai telah pun berlaku pada tiga sektor ekonomi dominan, iaitu sektor pertanian, perkilangan dan perdagangan.



**Rajah 1.3 : Peratus Penyerapan Tenaga manusia Oleh Sektor-Sektor Ekonomi Di Indonesia Bagi Tahun 1997-2001**

Sektor-sektor ekonomi sedia ada tersebut hanya diperhatikan ketika Indonesia memasuki krisis ekonomi yang berlaku tahun 1997 sehingga tahun 2001. Ketika itu krisis ekonomi berkesan menjadi lebih buruk lagi, manakala krisis ekonomi berubah menjadi krisis multidimensi, iaitu krisis tersebut bukan sahaja menjejaskan bidang ekonomi tetapi juga pada bidang-bidang sosial lainnya. Sebagai akibatnya selepas krisis itu jumlah penduduk miskin meningkat daripada 11.3 peratus penduduk tahun 1996 kepada 24.2 peratus pada Desember 1998 (Anggito Abimayu, 2001).

Dalam keadaan sedemikian penyerapan tenaga buruh (Labour Force) merosot, kerana banyak syarikat yang melakukan pembuangan buruh, dan tentu sahaja menyebabkan pengangguran semakin meningkat. Jumlah tenaga buruh yang diserap oleh beberapa sektor dianggarkan merosot daripada 87 juta pekerja tahun 1997 kepada 80.6 juta pekerja dalam tahun 1998. Hal ini menyebabkan 6.4 juta pekerja terpaksa menganggur (Anggito Abimayu, 2001).

Menerusi sektor-sektor yang mengalami kemerosotan pekerjaannya adalah pembuatan, pembinaan, perdagangan, hotel dan restoran, pengangkutan dan komunikasi, kewangan, sewa dan perkhidmatan persyarikatan. Manakala sektor-sektor yang mengalami pertambahan pekerja adalah pertanian, penternakan, perhutanan, perikanan, elektrik, gas dan air minum. Pekerja sektor pertanian meningkat daripada 35.8 juta pekerja dalam tahun 1997 kepada 36.3 juta pekerja tahun 1998 (Anggito Abimanyu, 2001).

Walaupun demikian buruh-buruh yang kurang beruntung sebetulnya masih lagi boleh memanfaatkan peluang-peluang pekerjaan pada sector-sektor informal, iaitu dalam bidang-bidang industri perkhidmatan dan industri kecil

sederhana/mikro. Sedangkan sektor-sektor yang dominan iaitu Pertanian, Perdagangan, Industri (Perkilangan dan Pembinaan) dan Perkhidmatan masih lagi boleh bertahan. Sektor-sektor ekonomi lainnya juga masih lagi mempunyai peluang pekerjaan. Tetapi sekiranya ada ramai usahawan sama ada dari luar negara atau tempatan yang boleh melakukan pelaburan. Peluang-peluang usaha tersebut boleh dimanfaatkan utamanya guna mengganti keperluan asas yang selama ini pengadaannya dengan cara mengimport.

Krisis ekonomi telah berkesan bukan sahaja kehilangan peluang pekerjaan, tetapi juga kehilangan perniagaan, oleh itu banyak komoditi asas terpaksa diimport seperti: beras, gula, kacang kedelai, daging, buah-buahan, dan keluaran daripada perlombongan. Malangnya melabur bukanlah suatu perkara senang kerana ianya memerlukan belanja besar, keadaan keamanan dan iklim usaha yang kondusif, dan banyak lagi kemudahan yang diperlukan bagi melicinkan proses pelaburan tersebut. Kerana ternyata para pelabur ketika ini justru menjadi pesaing utama industri usaha-usaha kecil dan mikro. Dengan wujudnya pembinaan pasaraya (mall dan mega mall) yang bertaraf dunia, dan menjual barang-barang yang serupa dengan yang dikeluarkan dan dijual oleh industri kecil dan mikro. Keadaan sedemikian tidak menggalakkan pertumbuhan peluang pekerjaan, malahan justeru yang berlaku adalah sebaliknya. Oleh itu menumbuhkan industri kecil, menengah, dan mikro memerlukan sokongan padu daripada kerajaan dan mana-mana pihak. Sokongan kerajaan bagi melindungi usahawan kecil, menengah, dan mikro boleh dalam bentuk menyediakan skim produk / keluaran dan pinjaman modal kerja yang berpihak kepada golongan usahawan kecil, menengah, dan mikro tersebut.

Dari segi sumber manusia bilangan penduduk Indonesia yang merupakan peringkat keempat terbesar di dunia, (setelah China, India, dan Amerika Serikat) tentu sahaja perkara ini merupakan potensi nasional yang besar. Dari segi sumber alam pula Indonesia yang luas kawasannya sama dengan luas kawasan Eropahh juga merupakan potensi, kerana selain luas kawasannya, pula letaknya yang strategik berada di antara dua benua Asia dengan Australia dan dua lautan Pacific dengan lautan Hindia.


Tetapi soalnya adalah mengapakah potensi-potensi yang merupakan anugerah Tuhan Yang Maha Pengasih itu, belum boleh menjadikan negeri Indonesia yang makmur, sejahtera, aman dan maju. Mengapa potensi-potensi tersebut belum dapat dibangunkan lagi oleh kerana kekurangan pengetahuan, kewangan teknologi dan manajemen.

Daripada sudut ekonomi sebenarnya penduduk Indonesia yang ramai boleh dipandang sebagai potensi pembeli (the potential market) yang luas, dan modal insan yang juga belum lagi dimanfaatkan sepenuhnya. Oleh yang demikian sebenarnya peluang-peluang pekerjaan di Indonesia masih lagi cukup luas. Masalahnya adalah mestilah berpunca kepada kualiti sumber manusia dan pembangunan sumber manusia yang belum memadai lagi sesuai dengan keperluan bagi suatu bangsa yang besar.

## **1.8 Kerangka Kajian**

Kajian mengenai faktor-faktor sosio ekonomi dan demografi yang mempengaruhi pilihan bekerja di Negeri Sumatera Selatan ini mencuba menggunakan konsep-konsep pemikiran daripada para pakar yang menguasai

permasalahan ini. Dalam hubungan ini (Davis. K and Blake. J, 1956), (Lee, 1966), (Todaro. M.P, 1978) yang bersumber dari (Byerlee, 1974); (Easterlin, 1983), bagi penggunaan pemboleh ubah penentu asas dan pemboleh ubah pertengahan. Mengutip pula dari Human Development Report (2001) dalam Rajah 1.5, serta (De Jong and Fawcett,1981) yang melihat kepentingan pembangunan sumber manusia dan perubahan teknologi dalam pertumbuhan ekonomi. Maka penulis hasilkan satu kerangka kajian bagi penyelidikan ini seperti mana terlihat dalam Rajah 1.4 berikut ini.



**Rajah 1.4 : Kerangka Kajian**

Dari Kerangka kajian tersebut didapati hubungan yang menunjukkan tidak terus antara pemboleh ubah bebas dalam kumpulan penentu asas (basic determinants) dengan pemboleh ubah bersandar (dependent variable), melainkan melalui pemboleh ubah dalam kumpulan pertengahan (intermediate variables). Namun demikian antara pemboleh ubah penentu asas dengan pemboleh ubah pertengahan dijangka mempunyai hubungan dua hala, iaitu hubungan timbal balik. Dipastikan bahawa hubungan sehalu terus hanya berlaku antara kumpulan pemboleh ubah bebas pertengahan dengan pemboleh ubah bersandar.

### **1.9 Definisi Operasional Variabel**

Pelbagai konsep tentang semua pemboleh ubah yang digunakan dalam penyelidikan ini dibincangkan, iaitu bagi kumpulan pemboleh ubah penentu asas, kumpulan pemboleh ubah pertengahan dan pemboleh ubah bersandar. Dalam setiap penyelidikan pemboleh ubah bersandar merupakan tumpuan perhatian, kerana ianya merupakan perkara yang akan dijelaskan dengan memperhatikan hubungan pengaruh yang boleh wujud daripada pemboleh ubah penjelasan yang digunakan. Penyelidikan ini mengguna pemboleh ubah 'Bekerja' sebagai pemboleh ubah bersandar, salah satu soalan yang dipilih dari senarai soalan dalam soalselidik Susenas 2000; iaitu soalan nombor 19.a1. Soalan ini merupakan pertanyaan tertutup kerana responden hanya mesti memilih jawapan yang tersedia.

Berpandukan kepada soalselidik tersebut pewawancara mengajukan soalan kepada ahli isi rumah yang berusia 10 tahun ke atas, yang dijadikan sebagai